

Kemalangan: KENDERAAN LEBIH BESAR PATUT DIKENAKAN HUKUMAN LEBIH BERAT

HAMPIR setiap hari ada kematian, kecederaan parah dan kecederaan ringan gara-gara berlaku kemalangan jalanraya. Semakin banyak jalanraya dibina semakin banyak berlaku kemalangan, rata-rata kerana sikap para pengguna jalanraya sendiri yang mengutamakan perasaan dan mengenyepikan akal fikiran semasa memandu.

BILA kadar denda kesalahan lalulintas dicadangkan dinaikkan pada jumlah yang tinggi dan menjadikan ramai yang tidak mampu bayar, timbul bantahan dari pelbagai pihak, termasuklah di kalangan anggota parlimen, menyebabkan pelaksanaannya ditangguhkan.

Kadar denda yang tinggi, sekali gus menjadikan ramai yang tidak mampu membayarnya pada dasarnya akan menjadikan para pengguna jalan raya lebih berhati-hati di jalan raya dan seboleh mungkin akan mengelak dari melakukan kesalahan lalulintas kerana tidak sanggup berdepan dengan denda dan hukuman yang bakal dihadapi.

Dengan cara itu secara tidak langsung kes-kes kesalahan lalulintas yang banyak menyumbang kepada berlakunya kemalangan yang membawa maut, cedera para dan cedera ringan akan dapat dielak kerana masing-masing akan berhati-hati sebagai pengguna jalanraya.

Tetapi kenapa ramai yang membantah sebagaimana ramai yang memantah kenaikan harga gula yang dari satu sudutnya kenaikan harga gula itu sendiri sangat bagus supaya rakyat negara ini mengurangkan penggunaan gula yang dikenalpasti menyumbangkan kepada pelbagai penyakit kronik kepada pengguna, khususnya kencing manis.

Jawabnya kerana pengguna jalanraya tahu mereka tidak mampu mendisiplinkan diri semasa memandu dan tidak mampu untuk menjadi pengguna jalanraya yang berhati-hati dan mengelak dari kemungkinan berlaku kemalangan kerana



memandu tanpa disiplin dan menyalahi peraturan lalu lintas sudah menjadi sepekerja yang rutin.

Seandainya kadar denda dinaikkan, maka bebanan yang terpaksa ditanggung kerana kesalahan lalulintas akan menokok. Maknanya mereka tidak mampu memberi jaminan kepada diri sendiri untuk tidak akan melakukan kesalahan lalulintas walau setinggi mana pun denda dan seberat manapun hukuman yang dikenakan.

Sehubungan dengan itu mereka sanggup membuat



bantahan dan cuba menggunakan pelbagai saluran hadangan supaya cadangan yang mendatangkan kebaikan kepada diri mereka sendiri dan pengguna jalanraya yang lain itu tidak dilaksanakan sebagaimana yang dicadangkan.

Bantahan terhadap cadangan menaikkan kadar denda yang tinggi dan hukuman yang lebih berat terhadap pesalah lalulintas adalah kerana para pengguna jalanraya takutkan bayang-bayang sendiri dan tidak mampu memberi jaminan untuk tidak akan melakukan kesalahan lalulintas.

Bagi saya cadangan mengenakan kadar denda yang tinggi dan hukuman yang berat terhadap mereka yang melakukan kesalahan lalulintas tidak patut ditangguhkan, apatah lagi dibatalkan terus kerana ianya membabitkan nyawa manusia. Ianya patut digezet dan dilaksanakan segera.

Malah pada saya, denda yang lebih tinggi dan hukuman yang lebih berat patut dikenakan terhadap pemandu kenderaan yang lebih besar yang terlibat dalam sesuatu kemalangan, malah pemandu yang kerana kecuaiannya menyebabkan kematian patut dihukum mati mandatori.

Manakala pemilik syarikat bas atau lori yang cuai memastikan rahap keselamatan bas atau lori atau pun apa-apa kenderaan yang termasuk dalam bilangan kenderaan besar masing-masing terjamin, patut juga dikenakan denda yang tinggi dan hukuman yang berat apabila bas atau lori mereka terbabit dalam kemalangan kerana masalah teknikal kenderaan-kenderaan sedemikian.

Saya yakin jika cadangan kenaikan denda dan hukuman yang lebih berat terhadap pesalah lalulintas dengan pemandu yang memandu dengan cuai dan menyebabkan kematian dikenakan hukuman mati mandatori manakala pemilik syarikat pengangkutan yang didapati gagal

memastikan tahap keselamatan kenderaan masing-masing dikenakan denda tinggi dan hukuman berat, kes-kes kemalangan jalan raya akan dapat dikurangkan.

Pihak berkuasa tidak patut akur dengan bantahan terhadap cadangan demi untuk memastikan jumlah korban, bilangan yang cacat kekal dan sebagainya akibat kemalangan jalan raya dapat dibendung. Kita kena yakin bahawa secara hakikat dan hakikinya yang pahit lazimnya berubat.

Denda yang tinggi dan hukuman yang lebih berat mungkin membebaskan tetapi kerananya pengguna jalanraya akan mengelak dari melakukan kesalahan lalulintas, sekali gus kes-kes kemalangan pasti akan dapat dikurangkan. Maknanya kenaikan kadar denda dan hukuman yang

lebih berat adalah kepeahitan berubat untuk kita semua.

Lagi pun Islam menyarankan kita berikhtiar dan mengelak dari berlaku perkara-perkara buruk, setidak-tidaknya ikhtiar dengan berdoa sehingga ada doa khas dipesakakan kepada kita oleh Rasulullah s.a.w. ketika menaiki kenderaan.

Menaikkan kadar denda dan mengenakan hukuman berat terhadap pesalah lalulintas adalah merupakan antara ikhtiar yang tidak patut dibantah. - penulis adalah pengamal media sejak tahun 1973

Denda yang tinggi dan hukuman yang lebih berat mungkin membebaskan tetapi kerananya pengguna jalanraya akan mengelak dari melakukan kesalahan lalulintas, sekali gus kes-kes kemalangan pasti akan dapat dikurangkan.